

0103

U 8455 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN

MELAKA, 14 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, USAHA DAN PROGRAM KERAJAAN AKAN LEBIH BERJAYA SEKIRANYA PARA PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN BERSAMA-SAMA MENYEDARI TENTANG PENTINGNYA UNTUK MEMODENKAN DAN MEMPERGIATKAN SEKTOR PERTANIAN.

BELIAU BERKATA, SEKTOR PERTANIAN ESTET YANG CEKAP SERTA TERSUSUN MEMBUKTIKAN BAHAWA SEKTOR PERTANIAN MASIH MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG CERAH DI SAMPING DAYA SAINGAN DI PASARAN EKSPORT.

OLEH ITU, PARA PEKEBUN KECIL, PENTERNAK DAN NELAYAN HARUSLAH MENYUSUN SEMULA USAHA DAN MENINGKATKAN LAGI KECEKAPAN MASING-MASING, KATA BELIAU DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA MENYAMBUT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN 1988.

SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN KALI INI YANG BERTEMAKAN +BERSATU MENJAYAKAN DASAR PERTANIAN NEGARA+ DISAMBUT DI MELAKA DAN MAJLIS PERASMIANNYA PADA 6 OGOS DI PUSAT EKSPLO AIR KERUH AKAN DILAKUKAN OLEH PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN BERBANGGA KERANA TERDAPAT PERKEMBANGAN YANG MENGGALAKKAN DARIPADA SEGI KECEKAPAN DAN PENGELUARAN DI KALANGAN PEKEBUN KECIL HASIL DARIPADA PELBAGAI USAHA DAN PROGRAM SEKTOR AWAM. -- LAGI.

1814MST 14 07 88

0104

U 8456 DEB  
MAHATHIR - PERTANIAN 2 MELAKA

KATANYA, SEKTOR PERTANIAN YANG JUGA MELIPUTI PENTERNAKAN, PERIKANAN DAN PERHUTANAN MASIH TERUS MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, SEKTOR PERTANIAN MEMBERI SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK), PENDAPATAN TUKARAN ASING MELALUI EKSPORT PERTANIAN DAN DARIPADA SEGI GUNA TENAGA.

+OLEH YANG DEMIKIAN, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERIKAN PERHATIAN YANG SEWAJARNYA SUPAYA PARA PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN SUPAYA MAJU BERSAMA-SAMA DENGAN GOLONGAN LAIN DI NEGARA INI,+ JELASNYA.

BELIAU BERHARAP SEMPENA DENGAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN TAHUN INI, SEMUA PETANI, PELADANG DAN PENTERNAK AKAN MENANAM SIKAP POSITIF DAN MEMPUNYAI FIKIRAN TERBUKA TERHADAP APA JUA PERUBAHAN DAN PEMODENAN DALAM SEKTOR TERSEBUT.

SIKAP YANG POSITIF AKAN DAPAT MENINGKATKAN PARAS PENDAPATAN, KECEKAPAN, PRODUKTIVITI SERTA DAYA PERSAINGAN DALAM SEKTOR PERTANIAN, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1816MST 14 07 88